



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

OGOS 2021
August 2021



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 1.9 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN OGOS 2021

1. IHP bagi bulan Ogos 2021 meningkat sebanyak 1.9 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Ogos 2020. Harga Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 2.1 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan meningkat sebanyak 1.9 peratus.
2. Peningkatan IHP adalah didorong oleh peningkatan harga dan kos Pengangkutan (7.0 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (2.1 peratus); dan Restoran dan Hotel (1.4 peratus). Walaubagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.3 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.3 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.1 peratus).
3. Kenaikan bagi harga Pengangkutan adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor diikuti oleh tiket penerbangan akibat jadual penerbangan yang terhad.
4. Harga Makanan dan Minuman Ringan yang meningkat adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti daging lembu dan kerbau; ayam; minyak masak; dan sayur-sayuran. Kenaikan harga daging lembu dan kerbau adalah antarlainnya disebabkan oleh peningkatan kos import, khususnya perkhidmatan pengangkutan. Bagi daging ayam, peningkatan harga antarlainnya disebabkan oleh kenaikan kos makanan ayam (*chicken feed*). Manakala, peningkatan harga minyak masak antarlainnya adalah selaras dengan kenaikan harga bahan input seperti minyak sawit.
5. Kos Restoran dan Hotel yang meningkat adalah didorong oleh peningkatan harga menu terpilih bagi catering berkontrak dan juga di restoran dan kafe. Peningkatan harga menu terpilih adalah selaras dengan kenaikan harga bahan mentah.
6. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Ogos 2021 meningkat sebanyak 0.2 peratus berbanding dengan bulan Julai 2021. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing meningkat sebanyak 0.2 peratus.

7. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP)

OGOS 2021

IHP mengukur perubahan harga pada sebakul tetap barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh sebahagian besar isi rumah di Negara Brunei Darussalam.



INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP)

OGOS 2021

PENYUMBANG UTAMA KEPADA
PERUBAHAN TAHUNAN

1



Pengangkutan

▲ 7.0

Kenderaan Bermotor

Tiket Penerbangan

2



Makanan dan
Minuman

▲ 2.1

Daging Lembu dan Kerbau

Daging Ayam

Minyak Masak

Sayur-sayuran

3



Restoran dan Hotel

▲ 1.4

Katering Berkontrak

Restoran dan Kafe



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 1.9 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN AUGUST 2021**

1. *The CPI in July 2021 increased by 1.9 per cent year-on-year compared to August 2020. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased by 2.1 per cent. Meanwhile, Non-Food prices increased by 1.9 per cent.*
2. *The CPI increase was largely attributed to increases in the prices and costs of Transport (7.0 per cent); Food and Non-Alcoholic Beverages (2.1 per cent); and Restaurants and Hotels (1.4 per cent). However, this was moderated by the decrease in prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.3 per cent); Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.3 per cent); and Recreation and Culture (0.1 per cent).*
3. *The increase in prices of Transport was largely attributed to the rise in prices of motor cars followed by air tickets in light of limited number of scheduled flights.*
4. *The increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the hike in food prices such as beef and buffalo meat; chicken; cooking oil; and vegetables. The increase in the prices of beef and buffalo meat was, among others, due to increase in import costs, particularly transportation services. As for the chicken meat, the increase in prices was, among others, due to the increase in the cost of chicken feed. Meanwhile, the increase in cooking oil prices, among others, was in line with the increase in input prices such as palm oil.*
5. *The rising costs of Restaurants and Hotels were driven by the increase in prices in selected menu for contract catering as well as in restaurants and cafes. The price increase in selected menu was in line with the increase in prices of raw products.*
6. *On a month-on-month basis, the CPI in August 2021 increased by 0.2 per cent compared to July 2021. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index and the Non-Food Index both increased by 0.2 per cent.*

7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for Ogos 2021 is available from DEPS' website: www.deps.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (CPI)

AUGUST 2021

CPI measures the changes in price of a fixed basket of goods and services purchased by the majority of household in Brunei Darussalam.



CONSUMER PRICE INDEX (CPI)

AUGUST 2021

MAIN CONTRIBUTORS TO YEAR-ON-YEAR CHANGES

1



Transport

▲ **7.0**

Motor Cars

Air Tickets

2



***Food and Non-
alcoholic beverages***

▲ **2.1**

Beef and Buffalo meat

Chicken Meat

Cooking Oil

Vegetables

3



Restoran dan Hotel

▲ **1.4**

Contract Catering

Restaurants and Cafes